

Dakwaan Tony Pua tidak berasas, kata Prof Shamsul Amree
Malaysiakini.com
May 24, 2007
Selvarani Mogan

Seorang pensyarah politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata kenyataan Penasihat Ekonomi kepada Setiausaha Agung DAP, Tony Pua yang mendakwa, kakitangan awam terlalu ramai kerana ia menjadi tempat lambakan graduan Melayu yang menganggur adalah tidak berasas.

Datuk Shamsul Amree Baharuddin yang juga Pengarah Alam Tamadun Melayu (Atma) UKM berkata, kenyataan itu merupakan satu andaian yang dibuat dengan hujah yang longgar dan tidak boleh diterima.

Beliau bertanya bagaimanakah mereka boleh mengatakan graduan Melayu tidak berkualiti semata-mata kerana mereka bekerja dengan kerajaan.

"Saya ingin bertanya apa ukuran kualiti bagi seorang graduan? Apa ukuran graduan universiti swasta lebih baik dari univesiti awam semata-mata mereka lebih ramai bekerja dengan swasta?"

"Adakah graduan yang bekerja dengan kerajaan menjadikan mereka tidak berkualiti? Kualiti bukan kerana bahasa," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Tony Pua itu semalam.

Pua berkata, penyerapan graduan berkenaan yang gagal mendapat pekerjaan di sektor swasta. mengakibatkan bukan sahaja kewujudan tenaga kerja bermutu rendah dalam perkhidmatan awam, tetapi ia juga meningkatkan tanggungjawab kerajaan.

Satu pandangan

Mengulas lanjut mengenainya, Shamsul Amree berkata kenyataan Pua itu lebih mencerminkan pandangan kaum yang diwakili oleh Pua.

Sementara itu, Setiausaha Agung PAS, Datuk Kamruddin Jaafar berkata, institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan harus meningkatkan tahap kecekapan untuk melahirkan graduan yang berkualiti.

Beliau berkata, kerajaan bertanggungjawab untuk memberi peluang pekerjaan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum.

"Pihak swasta perlu mengambil pekerja tanpa diskriminasi kaum. Ini kerana terdapat sesetengah organisasi yang meletakkan syarat halus kaum dalam pengambilan pekerja," katanya.

Kamaruddin yang juga Ahli Parlimen Tumpat berkata, jika peluang pekerjaan wujud dengan lebih banyak maka pengangguran dapat dikurangkan.

"Peluang pekerjaan ini penting untuk mengurang masalah mahasiswa menganggur dan majoritinya adalah bumiputera. Pekerja sektor awam ramai atau tidak, bergantung kepada statistik kerajaan.

Berdasarkan keperluan

"Tetapi kerajaan masih berkata bahawa tidak cukup kakitangan di sektor awam seperti doktor dan guru," katanya .

Sementara itu, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Yusri Mohamad berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengambil kakitangan berdasarkan kepada keperluannya.

Beliau berkata, pekerja bumiputera ramai di sektor kerajaan kerana peluang mereka terbatas di sektor swasta.

Yusri berkata, graduan yang tidak berkualiti memang boleh menjejaskan sektor perkhidmatan awam.

"Bukan mudah bagi graduan bumiputera memasuki sektor awam, hanya yang terpilih sahaja boleh bekerja dalam perkhidmatan awam," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/67643>